

31 JAN 1983

Mahathir: Jepun akan kekalkan Doktrin Fukuda

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan hari ini, kerajaan baru Jepun di bawah pimpinan Encik Yasuhiro Nakasone sebenarnya tidak menolak Doktrin Fukuda.

Sebaliknya, Perdana Menteri menyatakan, kerajaan Encik Nakasone

akan mengambil segala tindakan perlu untuk meneruskan doktrin itu, termasuk membantu pelaksanaan berbagai projek industri ASEAN.

"Kerajaan baru Jepun tidak menolaknya, tetapi sebenarnya ingin meneruskan doktrin itu. Segala tindakan perlu akan diambil untuk melaksanakannya.

"Ini termasuk bantuan Jepun kepada projek-projek industri di negara-negara ASEAN," katanya dalam sidang akhbar di Bangunan Parlimen, hari ini.

Jaminan itu diberikan oleh Encik Nakasone dalam rundingan dua pusingan dengan Perdana Menteri waktu lawatan rasminya seminggu ke Jepun. Beliau pulang ke tanahair semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir, ketika berucap di satu jamuan di Jepun, menyuarakan rasa kesalnya kerana Doktrin Fukuda yang diasaskan dalam tahun 1977 belum dapat diwujudkan.

Dasar yang dilancarkan oleh bekas Perdana Menteri Jepun itu berasaskan bentuk hubungan baru secara praktikal di bidang ekonomi Jepun dan negara-negara ASEAN.